


# PBT memerlukan model governans baru

BH : Sabtu 23 / 6 / 2007



**S**ELEPAS seminggu pihak berkuasa tempatan (PBT) seluruh negara melaksanakan Pusat Setempat (One Stop Centre - OSC), bermula 16 Jun lalu, kita akan nampak satu sistem aliran kerja baru mempermudah kelulusan sesuatu pemajuan, iaitu daripada proses selama ini mengambil masa sehingga lima tahun kepada empat bulan.

Ia satu daripada empat inisiatif baru dilancarkan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi pada 13 April lalu bagi menambahbaik sistem pentadbiran PBT supaya mengurangkan kerenah birokrasi dan sekali gus meningkatkan mutu sistem penyampaian perkhidmatan kerajaan.

Tiga inisiatif baru yang lain ialah kaedah Perakuan Siap dan Pematuhan (CCC), Akta Bangunan dan Harta Bersama 2007 dan konsep Bina Kemudian Jual (BKJ).

Walaupun, keempat-empat inisiatif baru ini langkah penting dalam memperkasa sistem penyampaian PBT, tetapi ia tidak memadai. Ia belum menjawab persoalan lebih besar, iaitu persoalan integriti.

Persoalan integriti menjadi lebih konkrit sejak Abdullah menjadi Perdana Menteri. Ia ditandai, terutama dengan penubuhan Institut Integriti Malaysia (IIM) dan pelaksanaan Pelan Integriti Negara (PIN).

Dalam konteks PBT, persoalan integriti membabitkan pengamalan budaya politik, pentadbiran dan kewangan yang sihat, beretika, matang dan demokratik serta pemantapan prinsip ketelusan, pertanggungjawaban dan governans baik.

Langkah utama perlu dilakukan dalam meningkatkan integriti PBT ialah mewujudkan satu kerangka governans baru bagi PBT. Ia penting memandangkan Yang

Dipertua (YDP) atau Datuk Bandar dan Ahli Majlis tidak lagi dipilih menerusi pilihan raya PBT, tetapi dilantik kerajaan negeri.

Lazimnya, YDP atau Datuk Bandar dilantik di kalangan pegawai kerajaan, manakala Ahli Majlis pula di kalangan pemimpin parti politik. Di samping itu, ada Ahli Majlis mewakili jabatan kerajaan dan tokoh masyarakat.

Ini bermakna, sektor kerajaan atau awam diwakili dalam struktur dan proses membuat keputusan PBT. Tetapi, kerangka governans baru membabitkan lebih daripada hanya satu sektor. Ia turut membabitkan dua lagi sektor, iaitu perniagaan dan masyarakat sivil (sivil society), tetapi mereka lazimnya tidak diwakili dalam Majlis PBT.

Sejarah membuktikan tidak ada sektor kerajaan/awam yang dapat menyediakan semua. Sebab itulah manusia mewujudkan sektor perniagaan dan masyarakat sivil.

Begitu juga dengan PBT. Tidak ada PBT didominasi hanya sektor kerajaan/awam saja yang mampu menyediakan semua untuk komunitinya. Disebabkan itu, ia perlu meningkatkan peranan sektor perniagaan dan masyarakat sivil. Langkah wajar ialah melantik wakil perniagaan dan masyarakat sivil sebagai Ahli Majlis.

Ketiga-tiga sektor ini perlu bergerak bersama, iaitu dalam konsep rakan pembangunan, jika tidak sebagai rakan kepeimpinan. Tetapi, mereka juga perlu memahami setiap satunya mempunyai budaya dan gaya kerja berbeza.

Disebabkan itu, mereka perlu mempunyai persefahaman mengenai peraturan asas membolehkan pendekatan ini diamalkan. Apabila persefahaman wujud, maka terjelma sinergi yang akan membuahkan manfaat amat ranum buat komuniti.

Kerangka governans baru adalah bertepatan dengan demokrasi. Demokrasi tidak bermakna sekadar mengundi lima tahun sekali saja. Ia juga membabitkan penyertaan lebih menyeluruh dan meluas, seperti keluarga yang demokratik, setiap kumpulan usia selain penyertaan sensitif

gender, perkongsian antara sektor kerajaan/awam, perniagaan dan masyarakat sivil.

Ini pendirian sederhana yang berhikmah mengetengahkan peranan perniagaan dan masyarakat sivil, komuniti dan setiap sub-komuniti, konsep partisipasi dan rakan pembangunan serta penghakupayaan, iaitu suatu ruang lebih besar dan segar daripada sekadar kerajaan dengan 'K' (government with capital G).

Pada masa sama, internet kini menjadi katalis baru dalam pendemokrasian maklumat dan ilmu di seluruh dunia. Ia menyediakan komuniti dengan saluran komunikasi dan penyiaran bagi membolehkan suara mereka didengar dalam proses membuat keputusan berkaitan dengan kehidupannya.

Komuniti yang terhakupaya oleh capaian teknologi komunikasi dan maklumat (ICT) serta maklumat dan ilmu relevan, semakin hari semakin mendesak supaya struktur dan proses governans diamalkan kini diubah.

Di samping itu, ada juga faktor kon-temporari lain seperti perkembangan dunia tanpa sempadan, globalisasi dan liberalisasi yang turut menuntut agar kerajaan menilai semula kedudukan, peranan dan fungsinya.

Politik sebagai institusi terpenting bagi kerajaan juga mula berubah. Ia dapat dilihat dengan jelas menerusi aplikasi internet sebagai pentas baru politik yang sedang merubah peraturan dan cara gaya berpolitik.

Malah, konsep negara juga sudah mula berubah. Menurut Christopher Person (2004) di dalam bukunya *The Modern State*, negara hari ini adalah tertakluk kepada proses perubahan berterusan dari segi kegiatan dan fungsinya serta berhadapan dengan kemungkinan diganti kuasa lain.

United Nations Development Programme (1997) menakrifkan governans sebagai langkah pihak berkuasa ekonomi, politik dan pentadbiran untuk menguruskan hal ehwal negaranya pada setiap peringkat.

Ia merangkumi mekanisme, proses dan institusi yang membolehkan rakyat dan

kumpulan untuk menyuarakan kepentingannya, melaksanakan hak undang-undangnya, menunaikan tanggungjawabnya dan menyelesaikan perbezaannya.

Manakala, World Conference on Governance di Manila (1999) mendefinisikan governans sebagai satu sistem telus, berpertanggungjawaban, adil, saksama, demokratik, partisipatif dan responsif terhadap keperluan rakyat.

Pokoknya, zaman hari ini memerlukan model governans yang baru, iaitu yang mengikutsertakan semua sektor sebagai rakan pembangunan.

Bagi PBT, maksud governans baru ialah transformasi daripada kerangka kini yang didominasi sektor kerajaan/awam saja kepada kerangka baru yang mana wujud sinergi antara ketiga-tiga sektor kerajaan/awam, perniagaan dan masyarakat sivil.

Dalam keadaan pilihan raya PBT tidak diadakan dan perwakilan sektor perniagaan dan masyarakat sivil tidak dilantik sebagai Ahli Majlis, maka sekurang-kurangnya PBT perlu meningkatkan pembabitkan masyarakat untuk bersuara dalam proses membuat keputusan dengan menubuhkan Jawatankuasa Partisipasi Komuniti.

Objektif jawatankuasa ini ialah pertama, untuk mendapatkan pandangan dan pendapat komuniti mengenai dasar dan program PBT dan kedua, untuk mendengar aduan komuniti mengenai pelaksanaan dan kelemahan PBT.

Jawatankuasa ini hendaklah dianggotai perwakilan setiap sub-komuniti ditentukan mereka sendiri dan bukannya pihak lain seperti pelajar, belia, wanita, warga emas, orang kurang upaya, pendidik, pekerja, peniaga, petani, profesional, sukarelawan, tokoh agama, budayawan dan sebagainya serta beberapa Ahli Majlis dan dipengerusikan YDP atau Datuk Bandar atau seorang daripada Ahli Majlis itu.

**Datuk Saifuddin Abdullah adalah Pengerusi Akademi Belia yang juga bekas Presiden Majlis Belia Malaysia (1998-2002)**